

UUM ONLINE: Proses transformasi yang sedang diusahakan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) pada ketika ini boleh direalisasikan dengan lebih cepat, jika penjawat-penjawat utama UUM boleh mentransformasikan 80 peratus kakitangan mereka menjadi *peak performers*, kata Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

"Kalau semua penjawat boleh transformasikan 80 peratus kakitangan mereka menjadi *peak performers*, maka kolej dan pusat pengajian serta pusat tanggungjawab akan jadi lebih hebat dan agenda transformasi kita akan berjaya lebih cepat," katanya sewaktu berucap merasmikan Kursus Khas Penjawat-Penjawat Utama, anjuran Jabatan Pendaftar, di EDC UUM, pagi semalam.

Beliau berkata, kebanyakan staf mungkin sekarang ini hanya hasilkan output sekadar 50 peratus sahaja tetapi sumber-sumber kewangan dan jabatan tetap dibelanjakan 100 peratus. Kalau mereka dapat gerakkan dan gembling jadi *peak performers* sehingga dapat hasilkan output kerja sehingga 80 peratus, UUM akan lebih cepat jayakan agenda transformasinya. Bagaimanapun, sesuatu transformasi ini memerlukan komitmen dan prestasi yang tinggi serta keterujaan dalam melakukan setiap tugas yang diberikan.

Beliau juga berkata, penganjuran kursus ini adalah usaha mencari ilmu dan menambah pengetahuan serta berkongsi maklumat antara penjawat utama.

"Kursus penjawat ini dibuat bagi membolehkan mereka belajar membuat keputusan kerana mereka adalah pegawai kanan universiti, ini" tambah beliau.

Selain itu, beliau juga mahu ahli akademik belajar ilmu pentadbiran kerana mereka kurang terdedah dengan urusan pentadbiran.

"Ahli akademik diakui arif dalam bidang penyelidikan dan pendidikan, namun untuk mentadbir memerlukan kemahiran yang berbeza. Oleh itu, proses pembelajaran ini mesti berterusan. Pembelajaran ini penting untuk melakukan transformasi dalam universiti ini," tambahnya.

Dr Mohamed Mustafa juga berkata, inilah masanya untuk semua penjawat utama melakukan dan mengubah sesuatu bagi menghasilkan yang terbaik demi mencapai hasrat menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my